

**Kemahiran berkomunikasi tingkatkan perpaduan kaum  
Utusan Online  
20 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR 19 Jun - Rakyat diseru memperkasakan kemahiran berkomunikasi sebagai satu daripada syarat mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Tunku Panglima Besar Kedah, Datuk Seri Diraja Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim bertitah, ini kerana keghairahan masyarakat menongkah arus perubahan menyebabkan segelintir daripada rakyat mengabaikan kemampuan dan kemahiran berkomunikasi secara bersemuka.

"Perkara ini terjadi kerana kepesatan perkembangan teknologi yang menidakkan nilai manusiawi untuk berkomunikasi secara langsung.

"Untuk memenuhi kehendak semasa, seseorang individu perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi dan memahami budaya, bahasa dan adat kaum serta bangsa lain," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan Persidangan Serantau Silang Budaya dan Integrasi Nasional 2012 (RECCNI 2012) di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Leftenan Jeneral Datuk Allatif Mohd. Noor.

Persidangan RECCNI 2012 yang berlangsung selama tiga hari sehingga Khamis ini bertujuan mewujudkan kesedaran mengenai kaitan antara kepentingan integrasi nasional dengan keselamatan negara selain memberi input dan kaedah penyelidikan terbaru dalam pengajian komunikasi, bahasa dan budaya.

Tunku Puteri Intan Safinaz bertitah, kepesatan teknologi telah mewujudkan satu bentuk komunikasi baru yang jauh berbeza daripada modul komunikasi sedia ada sebelum ini.

"Oleh itu, menjadi tanggungjawab kepada para cendekiawan, ilmuwan dan pengkaji memberikan input berguna kepada masyarakat sekali gus memacu kemajuan bangsa dan negara," titahnya.

Dalam perkembangan berkaitan, baginda yang juga merupakan Pro Canselor UPM berharap, nilai-nilai kesungguhan mencapai kejayaan, kesediaan berkorban dan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada negara perlu diterapkan kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0620&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_11.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0620&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_11.htm)